

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 APRIL 2015

Kritikan keterlaluan boleh jejas perpaduan

KUALA LUMPUR 7 April -
Kritikan keterlaluan bekas
Perdana Menteri, Tun
Dr. Mahathir Mohamad
terhadap Perdana Menteri,
Datuk Seri
Najib Tun
Razak
dikhuatiri
akan
menjejaskan
perpaduan
masyarakat
khususnya
orang
Melayu.

Ketua
UMNO
Bahagian
Sungai
Besar, Datuk

Jamal Md. Yunos berkata,
Dr. Mahathir sepatutnya
meletakkan perpaduan
sebagai keutamaan kerana
kritikan-kritikan yang
dibuat secara terbuka akan
hanya memburukkan lagi
keadaan.

"Saya risau kritikan-
kritikan Tun Dr. Mahathir
akan menyebabkan orang
Melayu berpecah-belah
dan tidak mustahil juga
sekiranya berterusan,
UMNO dan Barisan Nasional
(BN) menerima kesannya
pada pilihan raya umum
akan datang.

"Saya menghormati Tun
Dr. Mahathir kerana jasa
dan pembangunan yang
dilaksanakannya namun
kritikan-kritikan bersifat
peribadi terhadap Najib
perlu dihentikan," katanya
ketika dihubungi di sini hari
ini.

Jelas beliau, Dr. Mahathir
yang telah mentadbir negara
selama 22 tahun sepatutnya
lebih memahami bahawa
Najib memerlukan tempoh
masa secukupnya untuk
melakukan perubahan bagi
memajukan negara.

